



DR. MAHATHIR

Kemarau: Dr M gesa petani patuhi kerajaan

ALOR SETAR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan para petani di kawasan Mada supaya mematuhi arahan jangan menanam padi di musim pertama tahun ini yang bermula bulan depan.

Arahan Kerajaan itu supaya para petani membatalkan tanaman padi dalam musim tersebut adalah untuk kebajikan mereka juga.

Beliau yakin kalau mereka patuh kepada arahan Kerajaan serta menjalankan tugas-tugas yang diaturkan bagi menambah pendapatan mereka, masalah yang dihadapi sekarang akan dapat diatasi.

Sebaliknya kalau mereka enggan berbuat demikian maka ada kemungkinan kebanyakan daripada mereka akan mengalami lebih banyak kerugian di masa-masa akan datang, tambahannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai keadaan kemarau di kawasan pengaliran Muda yang diberikan oleh Pengerusi Mada, Datuk Syed Nahar Shahabudin di bilik gerakan Mada di Teluk Chengal, dekat sini.

Dibatalkan

Turut hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan, Ahli Exco Negeri Kedah, Encik Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim yang mewakili Menteri Besar Kedah serta pemimpin-pemimpin Persatuan Peladang dalam kawasan Mada di Kedah dan Perlis.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan walaupun tanaman padi akan dibatalkan tetapi air Ampangan Muda akan dilepaskan ke dalam talai-talai dan parit-parit untuk kegunaan harian oleh para petani seperti untuk mandi dan minum.

Beliau menegaskan tetapi air tersebut bukanlah untuk digunakan oleh para petani bagi menanam padi ataupun lain-lain jenis tanaman kerana air itu tidak mencukupi. — Bernama.